



ULANG TAHUN
BERNAMA 53.COM
1967 - 2020



PGA bersama KPDNHEP rampas minyak masak dan tepung gandum bernilai lebih RM100,000

23/06/2020 09:57 PM

PASIR MAS, 23 Jun -- Serbuan sepasukan anggota Batalion Ketujuh Pasukan Gerakan Am (PGA7) bersama penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan ke atas sebuah stor di Kampung Lubuk Gong di sini, berjaya membongkar kegiatan pemiliknya yang disyaki menyeludup barang bersubsidi ke negara jiran bernilai RM119,750.

Dalam pemeriksaan yang dijalankan di dalam stor itu pada pukul 12.15 tengah malam tadi sebanyak 5,100 kilogram (kg) minyak masak dijumpai manakala 1,000 kotak tepung gandum pelbagai jenama yang dianggarkan seberat 10 tan ditemukan dalam sebuah lori berdekatan bangunan berkenaan.

Pegawai Pemerintah PGA7, Supt Azhari Nusi berkata, serbuan dilakukan selepas risikan hampir seminggu dilakukan ke atas stor yang bertempat di tebing Sungai Golok dengan dinding zink di sekellingnya.

Beliau berkata pihaknya juga turut menahan seorang lelaki berusia dalam 30-an yang juga pemilik stor terbabit selepas gagal mengemukakan dokumen seperti invoice ke atas barang yang disimpan.

"Kesemua barang termasuk kenderaan telah dirampas dan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk siasatan lanjut," katanya kepada pemberita di Markas Taktikal PGA Lubuk Retok di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri.



Katanya, siasatan awal mendapati barang bersubsidi itu dipercayai untuk diseludup keluar ke negara jiran dan stor itu merupakan tempat simpanan sementara sebelum dihantar ke lokasi.

Kesemua barang telah diserahkan kepada KPDNHEP Kelantan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

Mengulas lanjut, Azhari berkata sejak mengambil alih tugas kawalan di sempadan pada 16 Jun lepas, PGA7 sudah mencatatkan sebanyak 32 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM1.5 juta.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=1853866>